

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT-UTEM TANDATANGANI LOI, PERKASA KERJASAMA INISIATIF ALAM SEKITAR

MELAKA, 24 FEBRUARI 2023 – SWM Environment Sdn. Bhd (SWM Environment) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menandatangani surat niat (LOI) bagi memperkasakan kerjasama dalam program KITARecycle dan inisiatif berkaitan kelestarian alam sekitar.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, antara aspek kerjasama yang akan diteroka termasuklah meningkatkan penglibatan dan kesedaran warga kampus dan masyarakat di dalam aktiviti pengasingan sisa pepejal di punca (*Separation at Source – SAS*) dan 3R (*reduce, reuse, recycle*).

Katanya, LOI ini juga merupakan kesinambungan kepada pelbagai program yang telah dijayakan bersama sebelum ini seperti Program Kesedaran Kitar Semula Sempena *Global Recycling Day*, projek *Smart Trash Sorting System*, projek *Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM)* dan Karnival Penghayatan Alam Sekitar.

“SWM Environment sebagai syarikat konsesi manakala UTeM sebagai institusi pendidikan berkongsi komitmen dan matlamat yang sama iaitu untuk mendidik orang awam terhadap pengurusan sisa pepejal yang berkesan dan pemeliharaan alam sekitar mampan. Diharapkan melalui program yang dirancang secara bersama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kedua-dua pihak, malah dapat memberi impak positif kepada masyarakat dan alam sekitar di bawah kerangka *Communication, Education and Public Awareness (CEPA)*,” tambah beliau.

SWM Environment akan terus memperluaskan kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai menyokong usaha mewujudkan kampus hijau dan memperkasakan kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar dan kitar semula dikalangan pelajar.

Keseimbangan akademik dan pembangunan mampan di pusat pengajian tinggi perlu seiring dan seterusnya menjadi nilai tambah kepada kerjasama antara universiti dan industri. SWM Environment sentiasa bersedia memberikan kerjasama dari aspek perkongsian latihan dan tenaga serta mengalu-alukan penglibatan UTeM melalui pemindahan ilmu, kajian dan data akademik yang mampu menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

Majlis menandatangani LOI ini telah diadakan pada 15 Februari lalu bertempat di Bangunan Canselori, Kampus Induk UTeM. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Naib Canselor Utem, Ts. Profesor Dr. Massila binti Kamalrudin.



Terdahulu, SWM Environment telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bersama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi memperkasakan kesedaran terhadap amalan kitar semula dan kelestarian alam sekitar.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com